

---

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang Akademik 2006/2007

Oktober/November 2006

**HBT 213 – SINTAKSIS DAN SEMANTIK UNTUK  
PENTERJEMAHAN**

Masa: 3 jam

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi ENAM muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

ARAHAN

1. Kertas soalan ini mengandungi DUA bahagian, Bahagian A dan B.
2. Jawab EMPAT soalan sahaja.
3. Jawab DUA soalan dalam Bahagian A dan mana-mana DUA soalan lain daripada Bahagian B.

Bahagian A

Jawab mana-mana DUA soalan.

1. Berdasarkan **DATA 1**, jawab soalan [a] dan [b].

**DATA 1**

- (I) Saya sayang dia.
- (II) Dia sayang saya.
- (III) Kawan saya doktor.
- (IV) Buku ini mahal.
- (V) Buku-buku itu murah.
- (VI) Maria membeli sepasang kasut untuk saya.
- (VII) Buku itu dibeli oleh Ahmad.
- (VIII) Dia menangis teresak-esak apabila mendengar berita buruk itu.
- (IX) Dia menari.
- (X) Ada seekor ular di atas pagar.

- [a] Terjemahkan semua ayat dalam **DATA 1** ke bahasa Inggeris

[5 markah]

- [b] Teliti terjemahan yang telah anda lakukan dalam [a] dan huraikan perbezaan yang anda temui antara struktur bahasa Malaysia dengan bahasa Inggeris.

[20 markah]

2. Dengan menggunakan contoh-contoh yang sesuai daripada bahasa Malaysia dan bahasa Inggeris, huraikan perbezaan antara kelas tertutup dengan kelas terbuka yang perlu diberikan perhatian dalam terjemahan.

[25 markah]

3. Berpandukan **DATA 2**, jawab [a] dan [b].
- [a] Huraikan persamaan dan perbezaan urutan perkataan dalam frasa bahasa Malaysia dan bahasa Inggeris dalam **DATA 2** walaupun kedua-duanya memiliki urutan dasar konstituen yang sama.

[15 markah]

**DATA 2**

<b>Bahasa Malaysia</b>	<b>Bahasa Inggeris</b>
kereta biru	<i>blue car</i>
rumah itu	<i>the house</i>
makan nasi	<i>eat rice</i>
dalam rumah	<i>in the house</i>

- [b] Bincangkan implikasi perbezaan dalam [a] terhadap terjemahan daripada bahasa Malaysia ke bahasa inggeris.

[10 markah]

Bahagian B

Jawab mana-mana DUA soalan.

4. Berdasarkan **DATA 3**, jawab soalan [a] dan [b].

[a] Bagi setiap set dalam Data 3, terjemahkan data tersebut ke bahasa Malaysia menggunakan kaedah berikut:

[i] Terjemahan literal

[ii] Terjemahan bukan literal

[15 markah]

[b] Merujuk kepada hasil terjemahan yang anda lakukan untuk [a], bincangkan masalah hubungan seerti yang anda hadapi dalam pemilihan dan penggunaan kata padanan untuk bahasa Malaysia

[10 markah]

**DATA 3**

**SET 1.** hoax, trickery, rip-off, swindle

**SET 2.** eat, wolf-down, nourish, devour, fill one's tummy, peck, chow down, graze

**SET 3.** delightful, pleasant, great, far-out, nice, pleasurable, bad, cool

Sumber: Finnegan, E. (2004 :216) **Language Its Structure and Use**, Thomson Wadsworth

5. Jawab [a] dan [b].

[a] Berikan takrifan serta contoh bagi setiap konsep yang berikut:

- [i] makna linguistik
- [ii] makna sosial
- [iii] makna afektif

[10 markah]

[b] Rujuk **DATA 4** untuk menjawab [i] dan [ii].

**DATA 4**

- (I) So I says to him, “ you can’t do nothin’ right.”
- (II) Y’all gonna visit over the holiday?
- (III) Sara Grump, how many times have I asked you not to channel surf!
- (IV) Prime Minister Tony Blair will be officiating the ceremony tonight.
- (V) Tina, who always boasts about her two doctorates, lectured me all night on Warhol’s art.

Sumber: Finnegan, E. (2004 :183) *Language Its Structure and Use*, Thomson Wadsworth

[i] Tentukan dan huraikan sama ada ayat-ayat dalam **DATA 4** mengandungi makna linguistik, makna sosial atau makna afektif.

[5 markah]

[ii] Terjemahkan setiap ayat dalam **DATA 4** ke bahasa Inggeris dan bincangkan sejauh mana konsep-konsep yang anda huraikan dalam [i] dapat dikekalkan dalam terjemahan tersebut.

[10 markah]

6. Berdasarkan **DATA 5**, jawab [a] dan [b].

**DATA 5**

- (I) They found the peasants revolting.  
(II) The chicken is too hot to eat.  
(III) Challenging wrestlers will be avoided at all costs.  
(IV) Flying planes are dangerous.  
(V) Bill sold the invisible man's hat.

Sumber: Finnegan, E. (2004 :216) *Language Its Structure and Use*, Thomson Wadsworth

- [a] Berikan tafsiran anda bagi setiap ayat taksa dalam **DATA 5** .

[5 markah]

- [b] Terjemahkan setiap ayat dalam **DATA 5** ke bahasa Malaysia. Berdasarkan jawapan anda dalam [a], bincangkan masalah yang anda hadapi semasa menterjemah.

[20 markah]